

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD  
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**BERSEMPENA DENGAN**

**MAJLIS PENANGGUHAN PROGRAM DENAI SUNGAI  
KEBANGSAAN (DSK) SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR  
NEGARA 2022 PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**TARIKH:**

**1 OKTOBER 2022 (SABTU)**

**TEMPAT:**

**DEWAN KAMPUNG STABUT, SERIAN**

## **Salutation**

- 1) Yang Berusaha En. Marconi Madai  
Senior Vice Presiden Health, Safety, Security & Environment  
Sarawak Energy Berhad (SEB)
- 2) Yang Berusaha En. Saoh Anak Lusek  
Ketua Kaum Kampung Stabut
- 3) Para pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan  
Sarawak Energy Berhad
- 4) Para penduduk Kampung Stabut
- 5) Pengamal media
- 6) Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat menyambut Majlis Penangguhan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) selaku penganjur bersama bagi program DSK pada tahun ini. Ucapan terima kasih saya juga ditujukan kepada para penduduk Kampung Stabut di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun 2022 bagi menjayakan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) di Kampung Stabut.

Hadirin sekalian,

## **HARI ALAM SEKITAR NEGARA**

3. Majlis pada hari ini disambut sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun di seluruh Malaysia dengan tema “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Tema ini jelas memberitahu kita bahawa semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan keindahan dan kebersihan alam sekitar terpelihara.

4. Sungai merupakan salah satu komponen penting alam sekitar yang merupakan khazanah kurniaan Tuhan yang sangat besar fungsinya. Seseorang anggota masyarakat mengambil jalan mudah dengan cara membuang sampah ke dalam sungai. Mereka menganggap sungai sebagai tong sampah menyebabkan sungai menjadi kotor dan menjejaskan kehidupan akuatik..

5. Setiap anggota masyarakat harus lebih prihatin dan perlu mempunyai kesedaran betapa pentingnya sungai kepada kehidupan manusia serta mengetahui kesan buruk pencemaran sungai. Pencemaran sungai yang dilakukan oleh pihak lain hanya dipandang sebelah mata oleh masyarakat sekeliling.

Hadirin sekalian,

### **Denai Sungai Kebangsaan**

4. Program DSK yang menyasarkan pembinaan 10,000 kilometer denai di seluruh negara menjelang 2030 dilaksanakan bagi menangani cabaran sosioalam sekitar menerusi pengurusan dan penggunaan alam secara lestari, demi memelihara dan memulihara keindahan sungai, sekali gus mengawalinya daripada risiko serta aktiviti pencemaran. Maka itulah Program DSK diperkenalkan bagi menjaga kelestarian sungai, sekali gus menjamin sumber air negara pada masa akan datang. Selain itu, DSK ialah program pembangunan laluan di sepanjang jajaran sungai, kolam atau badan air yang berfungsi untuk menjadikannya sebagai kawasan riadah dan rekreasi.

Hadirin sekalian,

### **Status Kualiti Air Sungai Serin**

6. Justeru, Sungai Serin telah dipilih sebagai sungai yang didapati sesuai untuk program DSK diadakan pada tahun ini bagi memastikan kelestarian dan keindahan Sungai Serin, sekali gus mengawal aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran. Untuk makluman, dua frekuensi persampelan air telah dijalankan di dua stesen persampelan yang telah dikenalpasti di Sungai Serin, masing-masing pada 15 Jun 2022 dan 18 Ogos 2022. Persampelan kualiti air sungai secara *in-situ* dan *ex-situ* telah diadakan dan keputusan analisa kimia secara *ex-situ* telah diterjemahkan dalam bentuk Water Quality Index (Indeks Kualiti Air) bagi menentukan kategori Sungai Serin sebagai Bersih atau Sederhana Tercemar atau Tercemar.

7. Bagi persampelan *in-situ* menggunakan alat multiprobe parameter yang dicerap melihatkan parameter-parameter suhu, conductivity, salinity, pH, turbidity dan dissolved oxygen (DO). Manakala parameter-parameter seperti BOD, suspended solid, Phosphate, Oil & Grease, COD, Ammoniacal Nitrogen dan Heavy metals dihantar ke makmal Jabatan Kimia Malaysia Sarawak untuk dianalisa.

8. Status kualiti air Sungai Serin yang dijana daripada keputusan cerapan *in-situ* dan analisa kimia yang terdiri daripada parameter DO, BOD, COD, SS, pH dan Ammoniacal Nitrogen mendapati, pada frekuensi pertama, indeks kualiti air Sungai Serin adalah 91 dengan dikategorikan sebagai Bersih dan berada di dalam kelas II. Bagi Frekuensi kedua pula, indeks kualiti air sungai Serin adalah 93 dengan dikategorikan sebagai Bersih dan berada di dalam kelas I. Tahniah diucapkan kepada semua penduduk Kampung Stabut yang telah bersama-sama menjaga kebersihan Sungai Serin.

9. Harapan saya agar melalui program DSK ini, akan dapat mewujudkan perkongsian tanggungjawab (shared responsibility) dikalangan pelbagai pihak terutama penduduk di Kampung Stabut. Sungai Serin juga berpotensi tinggi untuk aktiviti yang berteraskan ekonomi seperti ekopelancongan sungai (river ecotourism) dan boleh menggalakkan aktiviti berasaskan alam (nature based activities) di kalangan komuniti setempat dan juga para pelancong.

10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada En. Marconi Madai, Senior Vice Presiden Health, Safety, Security & Environment Sarawak Energy Berhad (SEB) di atas kerjasama jitu bagi menjayakan pelaksanaan program DSK pada tahun ini. Terima kasih juga kepada En. Saoh Anak Lusek, Ketua Kaum Kampung Stabut, semua JKKK Kampung Stabut dan semua penduduk Kampung Stabut yang telah bertungkus lumus sepanjang pelaksanaan program DSK di kampung ini. Sehubungan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penangguhan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

Sekian, Terima kasih.